

206

NO. SOALAN : 378

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]**

**Tuan Lim Guan Eng** minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan mengapakah Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) belum meluluskan semakan Surcaj Penjimatan Air (WCS) yang bukan kenaikan tarif air tetapi penalti kepada mereka yang membazirkan air oleh Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP). Adakah Kerajaan Pusat akan mempertimbangkan permohonan pelaksanaan Skim Bekalan Air Mentah dari Sungai Perak (SPRWS) Pulau Pinang bagi menjamin bekalan air menjelang 2020. Mengapakah Pengerusi SPAN boleh mendedahkan maklumat sulit mengenai perkara di atas yang melanggar Seksyen 41 Akta 2006 SPAN.

## JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) telah menerima cadangan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) untuk menaikkan surcaj pemuliharaan air (*Water Conservation Surcaj - WCS*).
2. Walau bagaimanapun, cadangan ini memberikan implikasi ke atas perancangan PBAPP dalam melaksanakan program perbelanjaan modal (*Capital Expenditure - CAPEX*) untuk membangunkan infrastruktur sistem bekalan air di bawah Rancangan Perniagaan Operasi Ketiga yang telah diluluskan SPAN pada 2016. Ini adalah kerana, pendapatan tambahan yang diperolehi daripada kenaikan WCS sahaja tanpa semakan tarif adalah tidak mencukupi untuk PBAPP melaksanakan CAPEX yang diluluskan.
3. Dalam hubungan ini, PBAPP telah memaklumkan bahawa pihaknya akan melakukan pindaan ke atas senarai CAPEX untuk kelulusan SPAN. Selaras dengan peruntukan Seksyen 30(5) Akta Industri Perkhidmatan Air 2006, cadangan pindaan ke atas

rancangan perniagaan tersebut perlu dibentangkan semula untuk pertimbangan dan kelulusan SPAN. Walau bagaimanapun, pihak SPAN masih belum menerima maklum balas daripada PBAPP berhubung cadangan pindaan tersebut.

- 4. Bagi pelaksanaan Skim Bekalan Air Mentah dari Sungai Perak, Perak ke Pulau Pinang (SPRWS), Kerajaan Negeri Pulau Pinang perlu terlebih dahulu mengadakan perbincangan bersama Kerajaan Negeri Perak untuk mendapatkan persetujuan membekalkan air mentah ke Pulau Pinang. Ini memandangkan sumber air adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Sekiranya persetujuan antara Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Kerajaan Negeri Perak telah dicapai, maka cadangan tersebut boleh diteliti dan diambil tindakan susulan oleh pihak Kementerian.
  
- 5. Pengerusi SPAN hanya memaklumkan secara umum bahawa pihak PBAPP telah membuat permohonan semakan tarif tanpa mendedahkan sebarang perincian berhubung permohonan tersebut.

Sekian, terima kasih

